

# Bandar Sukan JDT tingkat martabat bola sepak negara

Visi, misi serta usaha gigih TMJ wajar dicontohi pasukan lain

Pembinaan Bandar Sukan JDT di Nusajaya, Johor yang bukan sahaja menempatkan stadium baharu bertaraf dunia, malah dilengkapi pusat beli-belah, hotel, pangsapuri dan pelbagai kemudahan sukan lain, membawa pembangunan sukan di negeri itu terutama bola sepak ke peringkat teratas, sekali gus memberi pengiktirafan kepada usaha memartabatkan sukan.

Selepas kejayaan menaiki pentas Asia dengan menjuarai Piala AFC tahun lalu, penyokong setia JDT atau nama penuhnya, Johor Darul Ta'zim pasti berbangga apabila bakal memiliki sebuah stadium baharu bertaraf dunia.

Upacara pecah tanah pembinaan stadium baharu dan projek Bandar Sukan JDT itu yang semuanya terletak di kawasan seluas 28 hektar akan disempurnakan esok dengan kapasiti sehingga 45,000 dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh kurang dua tahun.

Apabila siap nanti, stadium itu akan menjadi mercu tanda baharu kepada kemegahan skuad Harimau Selatan, apatah lagi berdasarkan grafik, stadium itu yang menelan kos antara RM180 juta hingga RM200 juta akan menekankan aspek terkini dan ciri menarik, moden dan dilengkapi pelbagai kemudahan canggih setanding stadium di Eropah.

## Bukti visi, misi TMJ

Pembinaan Bandar Sukan JDT itu juga membuktikan perancangan rapi pemilik kelab JDT, Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang walaupun sering dikritik dan dipertikai, namun misi dan visinya kini terbukti dengan pelbagai kejayaan dan fasiliti yang dibangunkan.

Dalam tempoh empat tahun sejak Tunku Mahkota Johor mengambil alih tampuk pengurusan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ) sehingga kini menjadi pemilik JDT, lakaran siri kejayaan dalam pembangunan sukan itu perlu dipandang tinggi.

Kesungguhan JDT itu dilihat memartabatkan lagi sukan bola sepak yang sentiasa dekat di hati rakyat Malaysia dan memberi evolusi bola sepak di negara ini, sekali gus mengangkat martabat sukan itu.

Pembinaan stadium dan bandar su-

kan itu juga dilihat menjadi antara pelaburan jangka panjang dalam bidang sukan di negara ini, khususnya di Johor.

## Beri nafas baharu

Mungkin ramai yang akan membuat pandangan sinis jika dikatakan semua negeri lain perlu memberi tumpuan yang sama atau berpandangan jauh dengan mencontohi Johor, namun hakikatnya sudah tiba masanya pembangunan sukan negeri diberi nafas baharu.

Mungkin juga ada yang berpandangan apa yang ada pada stadium baharu atau

pelbagai kemudahan canggih berbanding dengan prestasi pemain, namun tidak dapat tidak sebenarnya JDT sudah membuktikan bahawa jika pembangunan sukan diberi perhatian, sedikit sebanyak ia memberi kesan kepada kejayaan sukan itu sendiri.

Ada juga yang berpandangan bahawa JDT mampu berbuat demikian dengan membina stadium baharu atau bandar sukan kerana dikenali sebagai pasukan yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, sekali gus berupaya menandatangani pemain berkualiti.

Umum mengetahui JDT memberi tangga gaji yang jauh mendahului negeri lain kepada pemain dan pengurusan sukan itu sehingga memberi kedudukan tinggi dalam sukan di negara ini.

Ia juga menjadi penghargaan tersendiri kepada pemain dengan tawaran gaji lumayan juga dilihat setimpal dengan bidang profesional seseorang pemain yang memberi sepenuh tumpuan dalam bidang ini, bukan sekadar sebagai pemain tempelan.

Apapun perkembangan terbaru JDT itu sepatutnya tidak menimbulkan 'kekalutan' atau stigma negatif, sebaliknya perlu menjadi pendorong untuk semua pasukan bola sepak di negara ini untuk maju banyak langkah ke hadapan dalam usaha meningkatkan lagi keupayaan menjadi kuasa bola sepak Malaysia.

Tidak mustahil pada suatu hari nanti, kita akan mempunyai pasukan atau kelab bola sepak yang tidak kurang hebatnya berbanding pasukan dalam Liga Inggeris atau kelab terkemuka lain di Eropah.

**Penulis**  
ialah Ketua Biro BH Johor



**JUNITA  
MAT RASID**

junitagbh.com.my

# Penerokaan tanah tak terkawal jejas keunikan topografi

Topografi atau rupa bumi adalah landskap asli yang menghasilkan keunikan sesuatu tempat. Ia terjelma dalam pelbagai bentuk, antaranya pergunungan, perbukitan, tanah beralun, lurah sungai dan dataran rendah. Penduduk tempatan sering menganggap, rupa bumi adalah keadaan tabii yang biasa. Bagaimanapun, bagi pengunjung luar, mereka dapat merasakan keunikan dan keindahan suatu landskap yang tiada di tempatnya. Landskap adalah warisan setempat, rahmat ilahi yang memberikan identiti sesuatu wilayah.

Selain proses luluhawa dan hakisan tabii yang mengubah rupa bumi dalam masa panjang-ribuan hingga jutaan tahun, kegiatan manusia adalah ancaman paling getis terhadap perubahan bentuk rupa bumi. Tiga proses manusia yang lazim ialah perataan tanah untuk menyediakan tapak pembinaan, pengkuarian tanah dan batuan untuk bahan binaan dan industri, dan perlombongan bijih sebagai produk komoditi.

Untuk menjimat perbelanjaan dan mendapatkan permukaan yang sesuai untuk pembinaan, ramai pemaju menggunakan kaedah 'potong dan tambak' bagi menyediakan tapak pembinaan. Walaupun kaedah ini masih diamalkan secara meluas, negara maju yang menyintai landskap aslinya, telah mengahadkan kerja potong dan tambak, dan memulakan konsep pembinaan mengikut topografi atau pembinaan bersama alam. Di Langkawi Geopark, banyak pembinaan mengamalkan kaedah ini.

## Penuhi permintaan industri

Kerja pengkuarian untuk menyediakan batuan agregat, batu dimensi atau bahan industri dilaksanakan atas permintaan tempatan. Lazimnya di kawasan pinggir bandar seperti di Kuala Lumpur dan Seremban, banyak kuari batuan granit dibangunkan. Ia menyediakan bekalan untuk bahan agregat membina jalan raya atau pembuatan konkrit. Walaupun banyak impak sosial dan pencemaran alam sekitar disuarakan dari semasa ke semasa, penyediaan bahan asas untuk pembinaan adalah keperluan yang tidak boleh dinafikan.

Isu paling sering disuarakan ialah kuari semakin hampir dengan kawasan perumahan dan pencemaran bunyi serta udara. Perkara ini berlaku kerana pembinaan kawasan perumahan menghampiri kuari dan bukan sebaliknya. Di Ipoh umpamanya, pengkuarian batu kapur sebagai bahan agregat dan industri merupakan ancaman paling kritikal terhadap perubahan rupa bumi serta impak sosial dan alam sekitarnya.

Batu kapur mempunyai banyak kegunaan industri dan ia menjadi industri gantian selepas perlombongan bijih timah di Ipoh. Rupa bumi batu kapur atau dikenali sebagai topografi Kars Tropika adalah unik dan bernilai warisan tinggi.

## Beri kesan negatif

Perlombongan permukaan adalah aktiviti utama yang memusnah rupa bumi. Jika tidak dilakukan dengan perancangan dan kawalan sempurna, impak terhadap identiti wilayah, kesihatan manusia dan pencemaran alam sekitar bersifat jangka panjang. Kesannya akan ditanggung oleh anak cucu dan generasi akan datang. Banyak kajian kes di negara maju seperti Eropah dan Amerika Syarikat menunjukkan kesan jangka panjang proses perlombongan. Generasi semasa masih menanggung impak perlombongan dan sebahagiannya perlu berbelanja tinggi untuk membaiki kawasan lombong bagi pembinaan semula.

Oleh kerana impak alam sekitar dan sosial industri perlombongan sangat besar, pelbagai kawalan dikenakan oleh pihak berkuasa kepada industri perlombongan. Konsep perlombongan lestari diperkenalkan untuk mengambil kira kitaran perlombongan - perancangan, penerokaan, perlombongan, pemprosesan, pengangkutan dan baik semula kawasan lombong. Setiap kitaran diteliti dan impaknya diminimumkan.

Saya kecewa dengan apa yang berlaku di Kuantan. Perlombongan bauksit seakan perlombongan zaman 'koboi melombong emas' di benua baharu Amerika. Seakan tiada peraturan, tiada kawalan dan bebas untuk semua. Malaysia sebenarnya mempunyai agensi iaitu Jabatan Mineral dan Geosains yang menyediakan peraturan dan kawalan perlombongan, kita mempunyai tradisi perlombongan yang baik yang diasaskan oleh kerajaan British - mengapa perkara ini masih boleh berlaku?

Saya faham, bukan masa untuk menuding jari. Ini masanya untuk memberikan cadangan penambahbaikan. Begitupun, terlalu banyak soalan yang tidak berjawab - siapa pelombong, siapa yang memberikan kelulusan, siapa yang memantau dan mengawal proses perlombongan? Jika soalan begitu asas sukar dijawab, bagaimana boleh kita membantunya?

## Penulis

ialah Ketua Kluster, Sumber Asli dan Alam Sekitar Majlis Profesor Negara, dan Pengerusi, Pusat Bencana Alam Asia Tenggara, UKM.



**PROF EMERITUS  
DR IBRAHIM KOMOO**

